

Kementerian Industri Utama terus perkasa sektor komoditi

Tarikh kemaskini: 15/07/2018



Teresa Kok Suh Sim (Gambar fail Bernama)KOTA BHARU, 14 Julai (Bernama) -- Sektor komoditi menjana pendapatan eksport sebanyak RM140 bilion pada tahun lepas, menjadikannya penyumbang kedua terbesar kepada pendapatan eksport negara selepas sektor elektrik dan elektronik Menteri Industri Utama Teresa Kok Suh Sim berkata sektor komoditi turut memberi impak besar dalam pembangunan sosio ekonomi negara.

"Walaupun begitu kementerian ini akan terus memberi fokus untuk memantapkan usaha-usaha pembangunan sektor perladangan dan komoditi untuk memperkasakan sektor ini dan meningkatkan lagi pendapatan pekebun kecil," katanya ketika berucap pada Majlis Anugerah Citra dan Khidmat Bakti 2018 Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara (LKTN) di sini, malam ini.

Mengenai industri kenaf, Teresa berkata kenaf mempunyai potensi besar dan berdaya saing untuk dibangunkan dalam industri berasaskan biokomposit, perabot, pembinaan dan automotif pada masa depan.

Sehubungan itu, beliau berkata kementerian melalui LKTN akan terus menjalankan pelbagai usaha bagi menerajui dan memperkukuh pembangunan industri kenaf sebagai salah satu sumber ekonomi kepada negara.....